

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB
[MACANG – BN]**

TARIKH : 9 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN (NO. 79)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan

- (a) sejauh manakah Program Pembangunan Bola Sepak Negara (NFPD) berbeza dengan dasar, program atau pelan bola sepak yang pernah dijalankan oleh Kementerian sebelum ini; dan
- (b) apakah komitmen Kerajaan untuk merealisasikan sasaran untuk melayakkan diri pada Piala Dunia Remaja 2019.

SULIT

JAWAPAN (a)

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan secara langsung atau tidak langsung telah melaksanakan atau membiayai kebanyakan program-program pembangunan sukan di peringkat akar umbi khususnya bola sepak. Penglibatan kerajaan dalam program-program ini adalah melalui persatuan-persatuan sukan ataupun agensi-agensi kerajaan seperti Majlis Sukan Negara (MSN). Sungguhpun demikian, belum ada program sebelum ini yang bersifat holistik, menyeluruh, berskala besar, jangka panjang dan diangkat sebagai agenda nasional seperti Program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 10 April 2014 di Akademi Bola Sepak Negara Mokhtar Dahari, Gambang, Pahang.

JAWAPAN (b)

1. Kelayakan ke Kejohanan Piala Dunia Remaja bawah 17 tahun pada tahun 2019 masih dikekalkan sebagai 'milestone' pertama kepada PPBN. Skuad Projek 2019 kini berada di bawah kendalian Pengarah Projek PPBN sendiri iaitu bekas pemain kebangsaan En. Lim Teong Kim yang telah dibawa balik dari Bayern Munich. Pemain-pemain ini juga akan menjadi kumpulan elit pertama yang akan ditempatkan di Akademi Bolasepak Negara Mokhtar Dahari di Gambang, Pahang pada tahun hadapan.

Sekian, terima kasih.